

## PROSEDUR PERMOHONAN SURAT SOKONGAN PERTUKARAN DAN PEMBETULAN NAMA

**Borang Permohonan Pertukaran dan Pembetulan Nama** boleh diperolehi dan dikembalikan di **Kaunter Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Aras 4, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.**

### **(A) SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN :**

- 1) **Permohonan lengkap sahaja yang akan diproses.**
- 2) Permohonan pertukaran nama hanya dibenarkan **sekali** sahaja.
- 3) Penama dan Pemohon telah **merujuk terlebih dahulu ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)** sebelum memohon Surat Sokongan Pertukaran Nama.
- 4) Penama dan Pemohon perlu menunjukkan **arahan bertulis daripada JPN** yang menyatakan penama atau pemohon perlu mendapatkan surat sokongan dari jabatan agama Islam.
- 5) Penama dan pemohon bertaraf **warganegara Malaysia.**
  - Syarat sebagai pemohon seperti berikut:
    - i. Ibu bapa; atau
    - ii. Datuk / Nenek; atau
    - iii. Adik beradik kandung

**Takrifan dan Syarat:**

1. **Penama : (1) Merupakan kanak-kanak dan remaja berusia bawah 18/21 tahun; ATAU (2) Merupakan golongan dewasa berusia 21 tahun ke atas untuk menukar nama sendiri.**
  
  2. **Pemohon : Pihak yang membuat permohonan bagi pihak Penama (1) yang terdiri daripada ibu bapa atau datuk dan nenek atau adik beradik kandung penama.**
- 6) Penama dilahirkan atau bermastautin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sekiranya penama atau pemohon tinggal menyewa maka perlu menyertakan dokumen seperti berikut:
- **Surat akuan sumpah diperlukan bagi penama atau pemohon yang menyewa**
  - **Pengesahan mastautin daripada masjid**
  - **Pembuktian berupa bil-bil tempat tinggal**
- 7) Mengisi dengan lengkap Borang Permohonan Surat Sokongan Pertukaran / Pembetulan Nama (JAWI.R.100-8/3)
- 8) Menyertakan dokumen sokongan sebagai rujukan (asal dan salinan)
- Satu (1) salinan sijil lahir penama
  - Satu (1) salinan mykid penama **ATAU**  
Satu (1) salinan kad pengenalan penama
  - Satu (1) salinan kad pengenalan ibu bapa penama
  - Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon

**Syarat:**

**Semua salinan dokumen sokongan perlu disahkan oleh pegawai JPN daripada mana-mana cawangan.**

- 9) Borang yang telah lengkap hendaklah dikembalikan bersama dokumen berikut:
- a) Borang Permohonan Surat Sokongan Pertukaran dan Pembetulan Nama (JAWI.R.100-8/3)
  - b) Satu (1) salinan sijil lahir penama
  - c) Satu (1) salinan mykid penama **ATAU**  
Satu (1) salinan kad pengenalan penama
  - d) Satu (1) salinan kad pengenalan ibu dan bapa penama
  - e) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon
  - f) Satu (1) salinan **Surat Akuan Permohonan Pembetulan Fakta Dalam Daftar Kelahiran/Kematian Jabatan Pendaftaran Negara. (akuan bersumpah)**
  - g) Satu (1) **KENYATAAN BERTULIS** berkaitan **MAKSUD NAMA ASAL DAN NAMA BARU** daripada **pihak berautoriti seperti** Pegawai Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Imam Masjid yang bertugas di kariah tempat tinggal penama dan pemohon)
  - h) Dokumen-dokumen lain yang diperlukan.

## **(B) PERMOHONAN YANG PATUH SAHAJA AKAN DIPROSES**

- 1) Nama asal membawa maksud yang tidak baik dari segi syarak (cth: Narul / Daniyah / Zalimah dsb)
- 2) Nama asal dilarang dalam Islam (cth: nama syaitan / nama neraka / nama berhala dsb)
- 3) Nama asal membawa maksud yang berkaitan agama lain (cth: Kris / Dewa dsb)
- 4) **Telah membuat rujukan awal dari Pegawai Agama yang berkelayakan / Imam Masjid dengan SOKONGAN / KENYATAAN BERTULIS berkaitan MAKSUD NAMA ASAL DAN NAMA BARU.**

**(C) PERMOHONAN YANG TIDAK AKAN DIPROSES DAN TERBATAL  
SEKIRANYA MEMPUNYAI MAKLUMAT-MAKLUMAT BERIKUT:**

- a) Permohonan mengubah bin/binti bagi anak tidak sah taraf.
- b) Pemegang kad UNHCR.
- c) Nama asal yang mempunyai maksud dan maksud tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak.
- d) Nama asal ingin ditukar dengan alasan seperti berikut:
  - i. Nama tidak sesuai dan menyebabkan gangguan kesihatan  
Contoh:
    - a) Bayi atau anak kecil kerap menangis apabila dipanggil dengan nama yang diberi
    - b) Sering sakit dan sentiasa tidak sihat berpunca daripada nama yang digunakan kurang sesuai dengan karakter
  - ii. Mengikut nasihat bomoh, dukun, ustaz atau mana-mana pihak tanpa pembuktian sahih. (cth: Qistina / Batrisya dsb)
  - iii. Percaya dan terpengaruh dengan isu yang ditularkan di media sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook*.

**(D) PERMOHONAN YANG DI KIV (*Keep In View*):**

Nama asal telah disenarai hitam oleh Kerajaan Malaysia berikutan kes berkaitan dengan agensi-agensi seperti berikut:

- a) Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- b) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
- c) Bank Negara Malaysia (CITOS dsb)

***Perincian:***

- ***Semakan akan dibuat melalui jabatan dan agensi berkaitan.***
- ***Permohonan akan diproses setelah nama telah dikeluarkan dari senarai hitam dengan pembuktian bertulis daripada agensi berkenaan.***

**(E) PROSES ALIRAN KERJA:**

1. Memberikan perkhidmatan konsultasi kepada penama atau pemohon secara terperinci.
2. Pemohon yang layak diwajibkan mengisi Borang Permohonan Surat Sokongan Pertukaran dan Pembedulan Nama (JAWI.R.100-8/3).
3. Borang yang lengkap akan diproses oleh pegawai yang bertanggungjawab.
4. Pegawai yang bertanggungjawab akan menyemak dan meneliti borang permohonan beserta setiap salinan dokumen yang dilampirkan.
5. Surat Sokongan Pertukaran dan Pembedulan Nama **mesti ditandatangani oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan** Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

***Pengecualian:***

***Surat akan ditandatangani oleh pegawai lain yang dinamakan sekiranya pegawai yang dibenarkan untuk menandatangani surat sedang berkursus atau bercuti bagi tempoh masa yang panjang***

6. Permohonan Surat Sokongan Pertukaran dan Pembedulan Nama ini akan diproses dalam tempoh **3 hari bekerja** dari tarikh **penyerahan borang permohonan lengkap**.
7. Pegawai bertanggungjawab akan menghubungi penama dan pemohon apabila surat telah disediakan.